

Malaysia bantah Iraq diserang

UM - 8 SEP 2002

Laporan menyatakan serangan dimulakan ke atas sebuah pangkalan udara di bahagian utara Iraq dan di zon larangan penerbangan di selatan negara itu dari sebuah pangkalan di Kuwait.

Bagaimanapun setakat ini tiada laporan mengenai kematian dan kemusnahan di sasaran-sasaran berkenaan.

Serangan itu dilancarkan ketika Presiden AS, George W. Bush dan sekutunya, Perdana Menteri Britain, Tony Blair meningkatkan kempen untuk meyakinkan dunia supaya meres-tui serangan terhadap Iraq.

Menurut *Daily Telegraph*, serangan itu bertujuan melemahkan pertahanan udara Iraq bagi memudahkan pesawat pasukan khas AS terbang ke Iraq bagi memusnahkan peluru berpandu Scud sebelum perang sebenar dilancarkan dalam tempoh beberapa bulan lagi.

Sementara itu mengulas kenyataannya semalam bahawa generasi muda perlu lebih kreatif, Perdana Menteri berkata, banyak syarikat teknologi maklumat yang terdapat di MSC berjanji untuk memberikan latihan bagi mencambah idea-idea baru.

Maklumat

"Hari ini pun kita lihat usahawan tekno kita berjumpa dengan ahli-ahli IAP-MSK bagi membincangkan mengenai peluang-peluang yang ada," katanya.

Mengulas kegagalan kerajaan Pas Kelantan untuk membangunkan negeri itu, Dr. Mahathir menyatakan, beliau tidak hairan dengannya kerana parti itu memang tidak mampu untuk memajukan negeri tersebut.

"Kalau mereka berani berjanji undi Pas masuk syurga, bagi mereka janji itu satu perkara yang remeh yang boleh buat bila-bila masa, dan tidak akan ditunaikan.

"Benda yang dia tak boleh tunaikan pun dia berani berjanji, jadi saya tidak hairan kenapa mereka tidak boleh membuat apa-apa (untuk memajukan negeri).

Mengenai laporan bahawa Pentagon sudah memaklumkan kepada Kongres AS bagi menjual 18 buah jet pejuang F/A-18F bernilai RM5.7 bilion kepada Malaysia, Perdana Menteri berkata, beliau belum dimaklumkan mengenai perkembangan tersebut.